



## SIARAN AKHBAR

---

## PRESS STATEMENT

S.A. 2018/11/78 (HQ)

### 2,000 MERIAHKAN MAJLIS MESRA DEEPAVALI TNB

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meraikan kira-kira 2,000 rakan korporat, warga kerja dan anak-anak yatim dalam Majlis Mesra Deepavali yang diadakan dengan meriah namun sederhana di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB di sini hari ini.

Pada majlis ini lebih 300 orang anak-anak yatim berumur tiga hingga 22 tahun termasuk orang kelainan upaya (OKU) menerima sumbangan ‘duit raya’ daripada TNB berjumlah RM50 seorang.

Mereka adalah penghuni lapan buah pertubuhan/rumah kebajikan iaitu Persatuan Kebajikan Sai Saradha Dewi Ashram, Rawang; Persatuan Kebajikan Kasih, Cheras; Yayasan Seribu Harapan, Klang; Bhagawan Sri Ramakrishnan Home, Melaka; Independent Living Training Centre (ILTC), Rawang; Persatuan Kebajikan Masyarakat India Annai Illam, Klang; Pure Life, Puchong dan Karunai Illam.

Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie; Ahli Lembaga Pengarah TNB, Encik Gopala Krishnan K. Sundram bersama isteri Puan Daphne Ruth Nasamani Sebastian dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd bersama isteri, Datin Seri Noor Afizah Ahmad Noor.

Hadir sama memeriahkan majlis adalah Ahli Parlimen Klang, YB Charles Santiago merangkap Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Adun Bukit Gasing, Y.B. Rajiv Rishyakaran serta barisan Pengurusan Tertinggi TNB yang lain.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 November 2018, jam 4.00 petang**

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*